



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 15 APRIL 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	KILANG PADI BERS WANGI DI JERAM PASU, KELANTAN, HAKAH -H11 LADANG KONTRAK SASAR JUALAN RM60 JUTA, KELANTAN, HAKAH -H12 PENGUNJUNG KE BAZAR RAMADHAN TINGGI, KOSMO -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
4. 5. 6.	MAQIS SEIZES 28,350KG OF RED ONION FROM THAILAND, NEWS IN BRIEF, NST -13 28,350KG BAWANG MERAH DARI THAILAND RAMPAS, NEGERI JOHOR, SH -27 BAWANG MERAH 28,350KG DARI THAILAND DIRAMPAS, NEGARA, KOSMO -14	JABATAN PERKHIDMATAN KUANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
7. 8.	PENGUSAHA MADU KELULUT GUSAR LAMBAKAN 400KG MADU, DALAM NEGERI, UM -32 JUAL HARUMANIS SECARA 'ONLINE', UTARA, HAKAH -H16	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
9.	JPV TAK TERBABIT AKTIVITI PENGIMPORAN DAGING, NASIONAL, BH -7	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
10. 11.	TERLEBIH JARAK, SEBUAH BOT DITAHAN, NEGARA, KOSMO -18 PADAH LANGGAR SYARAT TANGKAP IKAN, LOKAL, HM -22	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
12.	TALI AIR TAK DISELENGGARA JEJAS JADUAL TANAMAN PADI, NASIONAL, BH -21	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
13. 14. 15. 16.	CURTAILING FOOD PRICE HIKES, VIEW, THE STAR -15 KPDNHEP AKUI HARGA AYAM MENINGKAT, NASIONAL, SH -6 NORAINI HASILKAN SABUN KELULUT, DALAM NEGERI, UM -32 HARGA AYAM, SOTONG DAN SAWI NAIK, NEGARA, KOSMO -16	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Kilang padi beras wangi di Jeram Pasu

PASIR PUTEH: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan berusaha mempercepat proses pengoperasian kilang padi beras wangi di Jeram Pasu yang terhenti sebelum ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan Dato' Che Abdullah Mat Nawi berkata, kemudahan tersebut dikatakan gagal mendapat sijil layak menduduki daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Katanya, kilang terbabit mampu menghasilkan sebanyak 25 tan beras sehari dibina Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

"Saya berharap supaya pihak berkaitan dapat menyelesaikan masalah itu supaya kilang berkenaan dapat beroperasi lebih cepat bagi meningkatkan pengeluaran beras wangi tempatan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis perasmian pelan-



Beras wangi diusahakan petani tempatan.

caran produk beras wangi tempatan di Pusat Belian Padi di Kampung Banir Belikong di Selising di sini Isnin lepas.

Turut hadir Exco Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar, Ustaz Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail dan Timbalan Exco, Abdul Azziz Kadir.

Che Abdullah berkata lagi, penanaman padi wangi yang diusahakan khususnya di Pasir Puteh dan Bachok mampu meming-

katkan pendapatan petani.

Katanya komitmen MAFI meningkatkan tahap sara diri petani dengan memperkembangkan lagi tanaman terbabit daripada keseluruhan kawasan jelapang.

Namun kata beliau ia tertakluk kawasan sawah di bawah kelolaan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) dan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA).

Ladang kontrak sasar jualan RM60 juta

Oleh **SALMAH MAT HUSAIN**

BACHOK: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyasarkan nilai jualan hasil pertanian Program Ladang Kontrak mencecah RM60 juta tahun ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan Dato' Che Abdullah Mat Nawi berkata, program itu di bawah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dapat membantu meningkatkan pengeluaran pelbagai sayur-sayuran dan buah-buahan.

Kata FAMA menyasarkan seramai 1,000 peserta di seluruh negara akan menyertai program berkenaan tahun ini.

"Menerusi program tersebut ia dapat membantu golongan petani memasarkan hasil tanaman dengan lebih baik secara borong atau runcit.

"Malah golongan petani juga akan dibantu bermula dari awal proses penanaman sehingga pemasaran produk tanaman secara domestik dan antarabangsa," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melawat projek

Usahawan Ladang Kontrak FAMA Kelantan di Pasar Tani Borong Runcit Kampung Teluk Kemunting di Sabtu lepas.

Turut hadir Pengarah FAMA Kelantan Wan Nora Wan Ahmad.

Sempena program itu Che Abdullah menyerahkan replika cek bernilai RM7,000 kepada seorang usahawan Mhd Jasni Abd Rahman, 46.

Beliau mengusahakan tanaman timun hijau kaedah fertigasi gantung menggunakan sebanyak 1,100 polibeg.

 **Golongan petani juga akan dibantu bermula dari awal proses penanaman sehingga pemasaran produk tanaman secara domestik dan antarabangsa.**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/4/2021	KOSMO	ONLINE	

Pengunjung ke bazar Ramadan tinggi



PUTRAJAYA – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) kurang berpuas hati dengan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) peniaga dan pengunjung di bazar Ramadan Presint 3 di sini.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, pihaknya mendapati kunjungan orang ramai agak tinggi memandangkan hari ini adalah hari kedua Ramadan.

Menurutnya, pihaknya bagaimanapun belum menerima sebarang aduan mengenai pelanggaran SOP dan akan terus mengadakan pemantauan bagi mengelak kluster baharu dalam kalangan pengunjung dan peniaga.

“Saya sudah meninjau keadaan bazar Ramadan ini, namun kurang berpuas hati dengan pematuhan SOP pengunjung dan peniaga,” katanya kepada pemberita ketika hadir melancarkan Ops Pantau di bazar Ramadan Presint 3 di sini hari ini.

Turut hadir Timbalan Menterinya, Datuk Rosol Wahid dan Pengarah Penguat Kuasa KPDNHEP, Azman Adam.

Ops Pantau itu diadakan di seluruh negara dengan lokasi tumpuan seperti di bazar Ramadan, bazar Hari Raya, pasar awam, pasar basah, pasar raya besar, pasar mini dan kedai runcit.

Sementara itu, Alexander berkata, sepanjang Ramadan tahun ini, pengguna tidak perlu bimbang tentang bekalan keperluan harian kerana ianya mencukupi.

“KPDNHEP dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan memberi jaminan bekalan barangan harian mencukupi,” jelasnya.

Katanya lagi, KPDNHEP juga belum menerima sebarang aduan berkenaan kenaikan harga ayam sebagaimana yang dilaporkan media.

“Bagaimanapun kita sudah menerima laporan daripada penguatkuasa mengatakan kenaikan harga ayam itu tidak sama seperti yang didakwa orang ramai.

“Harga ayam itu ada kenaikan sedikit, namun masih dalam kawalan,” katanya. – K! ONLINE

Maqis seizes 28,350kg of red onions from Thailand

JOHOR BARU: The Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis) seized a container filled with 28,350kg of red onions from Thailand at Tanjung Pelepas Port here yesterday. Johor Maqis director Hiz-zuan Hasim said routine checks about 11.30am detected inconsistencies between the labelling on the products and the documents. "There seemed to be an error as the labels were different from the declared documents. Maqis then seized the red onions worth RM251,194.57." The case is being investigated under Section 13 of the Maqis Act 2011, which carries a fine of not more than RM50,000 or a jail term not exceeding two years or both, upon conviction. Subsequent offences can attract a maximum fine of RM75,000 or five years' jail, or both, if found guilty. Maqis advised importers and exporters to adhere to the law to prevent any diseases from animals, fishes or plants.

15/4/2021

SINAR
HARIAN

27

28,350 kg bawang merah dari Thailand dirampas

JOHOR BAHRU - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Majlis) merampas bawang merah dari Thailand sebanyak 28,350 kilogram (kg) di Pelabuhan Tanjung Pelepas, Johor di sini pada Isnin.

Pengarah Majlis Johor, Hizzuan Hasim berkata, pemeriksaan rutin yang dijalankan pegawai penguasa Majlis kira-kira jam 11.30 pagi telah menahan sebuah kontena membawa bawang merah dianggarkan bernilai RM251,194.

"Hasil pemeriksaan yang dijalankan mendapati dokumen dikemukakan berbeza dengan label yang terdapat pada bawang merah berkenaan.

"Kontena tersebut membawa masuk bawang merah sebanyak 28,350kg yang bernilai dianggarkan RM251,194," katanya menerusi kenyataan pada Rabu.

Menurut Hizzuan, produk berkenaan ditahan untuk disiasat mengikut Seksyen 13 Akta Perkhidmatan Kuarantin



Pegawai Majlis menunjukkan bawang merah dari Thailand yang dirampas di Pelabuhan Tanjung Pelepas pada Isnin.

dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) kerana melakukan pengisytiharan yang mengelirukan pihak berkuasa.

"Jika sabitkan kesalahannya boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

"Bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya didenda tidak melebihi RM75,000 atau di penja-

rakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya," katanya.

Tambahan, Majlis turut menasihati semua pengimport dan pengeksport sentiasa mengikut peraturan yang telah ditetapkan kerajaan supaya kawalan penyakit haiwan, tanaman serta jaminan keselamatan makanan terpelihara di negara ini.



INILAH kontena berisi bawang merah yang dirampas Macjis di Pelabuhan Tanjung Pelepas, Iskandar Puteri pada Isnin lalu.

Bawang merah 28,350kg dari Thailand dirampas

ISKANDAR PUTERI – Sebanyak 28,350 kilogram (kg) bawang merah bernilai RM251,194 dari Thailand yang diseludup masuk ke negara ini dirampas di Pelabuhan Tanjung Pelepas di sini, Isnin lalu. Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Macjis) Johor, Hizzuan Hasim berkata, rampasan dibuat selepas penguat kuasanya menaung sebuah kontena berisi bawang merah ketika melakukan pemeriksaan rutin pukul 11.30 pagi.

Menurutnya, pemeriksaan yang dijalankan mendapati, dokumen yang dikemukakan berbeza dengan label yang terdapat pada bawang merah berkenaan.

"Macjis kemudian menahan kesemua bawang merah tersebut untuk siasatan lanjut," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Hizzuan memberitahu, kes itu disiasat di bawah Seksyen 13 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) kerana melakukan pengisytiharan yang mengelirukan pihak berkuasa.

"Semua pengimport dan pengeksport perlu mengikut peraturan ditetapkan kerajaan bagi memastikan kawalan penyakit haiwan, ikan, tumbuhan serta jaminan keselamatan makanan terpelihara di negara ini," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/4/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32

Pengusaha madu kelulut gusar lambakan 400kg madu

BALING: Seorang pengusaha madu kelulut di sini berada dalam keadaan dilema apabila madu yang dituainya sejak tahun lepas masih belum terjual dan 'terbiar' begitu sabaja.

Taib Man, 51, berkata, dia tiada tempat untuk mengadu mengenai masalah lambakan madu kelulut yang diusahakannya itu.

"Tujuh tahun saya usahakan ladang kelulut ini. Pada awalnya pasaran memang memukanya tetapi sejak 2018 pasarannya semakin menurun dan bertambah teruk sejak penularan Co-

vid-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Saya tiada tempat untuk mengadu masalah lambakan madu kelulut ini dan tiada pembeli yang datang membelinya secara borong," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Tanjung Pari, semalam.

Dia kini tiada sumber pendapatan untuk menguruskan ladang kelulut dengan baik seperti dahulu.

Bertambah buruk, Taib terpaksa memberhentikan empat pekerja kerana tidak mampu

membayar gaji mereka.

Kini, semua pengurusan ladang kelulut yang mempunyai 763 sarang itu dilakukan sendiri dengan bantuan anak-anaknya.

"Saya perlu mengeluarkan perbelanjaan yang banyak untuk kebersihan kawasan ladang, penjagaan sarang, pembelian mesin penyedut madu kelulut, mesin rumput dan sebagainya.

"Saya mohon sekiranya ada bantuan mesin seperti mesin kayu, mesin rumput, mesin penyedut madu dan sebagainya daripada kerajaan, tolong bantu

saya supaya ladang kelulut ini dapat diteruskan dan diurus dengan baik.

"Selama ini saya tidak pernah dapat bantuan meskipun pelbagai pihak ada berjanji untuk bantu. Jabatan Pertanian, Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (Keda) dan Mara ada datang untuk melihat projek ini, tetapi selepas itu tiada apa-apa bantuan diberikan," katanya.

Katanya, dia mohon agar pelbagai agensi dapat membantu untuk memasarkan madu kelulut yang diusahakannya.

Taib juga tidak mahu modal RM600,000 yang dikeluarkan sewaktu awal pembukaan ladang kelulut itu menjadi sia-sia dan berharap agar ada pihak tampil membantu.

Dia kini mempunyai lambakan stok madu kelulut hampir 400 kilogram.

"Stok madu kelulut memang banyak tetapi tidak boleh jual.

"Keadaan sekarang orang luar tidak boleh datang ke sini untuk membelinya dan kita juga tidak boleh keluar untuk mengedarnya," katanya.

Jual Harumanis secara 'online'

PADANG BESAR: Penjualan dan pemasaran mangga Harumanis di negeri ini diperhebatkan lagi menerusi pelancaran Harumanis Perlis Kembali Lagi dan Jualan Dalam Talian.

Majlis yang diadakan pada 11 April lalu disempurnakan oleh Menteri Pertanian dan Industri Maknan (MAFI) Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

Beliau berkata bersempena jualan mangga Harumanis yang akan bermula pada 11 April sehingga 30

Jun 2021, industri tanaman mangga Harumanis ini bukannya sahaja dapat meningkatkan pendapatan pengusaha tanaman itu, malah ia juga memberi impak ekonomi terhadap industri agropelancongan dan hiliran negeri Perlis.

Malah menerusi pelancaran itu Jabatan Pertanian telah menjalin hubungan strategik dengan beberapa syarikat penghantaran seperti Pos Malaysia, CityLink dan Line Clear.

“Kaedah penghantaran

mangga Harumanis akan ditambah baik melalui percincangan bersama antara Jabatan Pertanian dengan syarikat penghantar bagi memastikan penghantaran mangga Harumanis lebih cepat supaya kualiti buah terjamin,” ujar beliau.

Menurutnya lagi, antara penambahbaikan yang dibuat ialah penggunaan kotak tiga lapis yang lebih kukuh, penggunaan lori khas yang hanya mengangkut mangga Harumanis

» **BERSAMBUNG KE H17**

15/4/2021

BERITA
HARIAN

NASIONAL

7

JPV tak terbabit aktiviti pengimportan daging

Agensi jalankan pemeriksaan audit loji sembelih di negara sumber untuk lulus eksport

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) hanya bertanggungjawab menyelaras dan menjalankan pemeriksaan audit loji penyembelihan di negara sumber bagi kelulusan eksport daging ke negara ini.

Ketua Pengarahnya, Datuk Dr Norlizan Mohd Noor, berkata pemeriksaan audit itu dilakukan mengikut prosedur operasi stan-

dard (SOP) yang ditetapkan kerajaan.

Sehubungan itu, beliau berkata, jabatan berkenaan tidak terbabit dalam aktiviti pengimportan atau kemasukan daging dari sumber negara tidak diiktiraf sama ada secara penyeludupan atau ketirisan di pintu masuk negara.

"JPV bukanlah badan penguat kuasa di pintu masuk negara yang membolehkan berlakunya penyeludupan daging import, malah aktiviti pengimportan atau kemasukan daging daripada sumber negara tidak diiktiraf sama ada secara penyeludupan atau ketirisan di pintu masuk negara adalah di luar bidang kuasa jabatan ini.

"Kita bersama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menjalankan pemeriksaan audit rumah sembelih di luar negara dan berikan kelulusan untuk me-

ngeksport ke Malaysia.

"Ja hanya dilakukan jika rumah sembelih itu memenuhi syarat ditetapkan dari aspek keselamatan daging oleh JPV dan status halal oleh JAKIM.

"Untuk mengimport daging dari sumber rumah sembelih yang diluluskan, syarikat pengimport di negara ini perlu memohon lesen atau permit import daripada Jabatan Perkhidmatan Kuaran-

tin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS)," katanya kepada BH di sini, semalam.

Beliau mengulas laporan muka depan BH kelmarin, kerajaan perlu memastikan tiga agensi yang mengawal selia urusan pengimportan daging bebas sepenuhnya daripada 'musuh dalam selimut' bagi mengelak kegiatan kartel daging import bertapak semula.

Tiga agensi itu adalah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), MAQIS dan JPV.

Sebelum ini, polis menumpaskan kartel daging import membabitkan 19 syarikat pengedar yang mengaut keuntungan sehingga RM52 juta setahun dalam beberapa serbuan di seluruh negara pada 9 April lalu.

Norlizan berkata, kelulusan untuk import daging hanya diberikan dari sumber negara yang diluluskan dan rumah sem-

JPV bukan badan penguat kuasa di pintu masuk negara yang membolehkan berlaku penyeludupan daging import, malah aktiviti pengimportan atau kemasukan daging dari sumber negara tidak diiktiraf



Norlizan Mohd Noor,
Ketua Pengarah
Jabatan Perkhidmatan
Veterinar

belih yang diperakui.

"Syarikat negara ini yang memohon untuk mengimport daging pula perlu berdaftar supaya pemantauan kuantum import boleh dibuat oleh MAQIS.

"Setibanya kontena daging import di pintu masuk atau pelabuhan, JKDM dan MAQIS bertanggungjawab untuk menjalankan pemeriksaan dokumen, pemeriksaan fizikal dan pelepasan," katanya.

MAQIS rampas 70 tan daging import dari Indi-



Keratan akhbar BH,
semalam.

15/4/2021

KOSMO

NEGARA

18

Terlebih jarak, sebuah bot ditahan

MERSING - Sebuah bot penangkapan ikan zon C tempatan ditahan ketika sedang menunda hasil laut pada jarak yang tidak dibenarkan di Pulau Tioman kelmarin.

Pengarah Perikanan Negeri Johor, Norashah Hashim berkata, tangkapan itu dilakukan ketika rondaan rutin pemantauan vesel pantai timur yang dilakukan oleh Cawangan Taman Laut dan Pengurusan Sumber, Jabatan Perikanan Negeri Johor.

Katanya, hasil pemeriksaan mendapati vesel berkenaan

mempunyai lima orang kru melibatkan dua orang tempatan dan tiga orang warganegara Indonesia berusia 21 hingga 57 tahun.

"Vesel tersebut ditahan ketika menjalankan aktiviti menangkap ikan (menunda) pada jarak sekitar 9.8 batu nautika daripada Pantai Pulau Tioman sekali gus telah melakukan kesalahan kerana bagi vesel zon C tidak dibenarkan menangkap ikan kurang 12 batu nautika daripada pantai.

"Terdapat hasil tangkapan bernilai tinggi seperti sotong,

ikan barat-barat dan ikan tenggiri turut disita. Vesel tersebut juga telah ditahan dan peralatan menangkap ikan akan disiasat di bawah Seksyen 8(b), Akta Perikanan 1985," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Katanya, Jabatan Perikanan Negeri Johor ingin menasihatkan nelayan agar sentiasa mematuhi syarat lesen agar tidak menjejaskan sumber perikanan negara.

"Jika disabit kesalahan, pemilik vesel boleh dikompau serta peralatan menangkap ikan juga akan dirampas," jelasnya.



VESEL yang ditahan ketika sedang menunda ikan pada jarak yang tidak dibenarkan di Pulau Tioman kelmarin.

Padah langgar syarat tangkap ikan



BOT tunda yang ditahan kerana menangkap ikan pada jarak 9.8 batu nautika daripada pantai Pulau Tioman.

Johor Bahru: Sebuah bot tunda tempatan termasuk lima krunya ditahan kerana menangkap ikan pada jarak 9.8 batu nautika daripada pantai Pulau Tioman di Mersing, kelmarin.

Pengarah Perikanan Negeri Johor Noraisshah Hashim berkata, kru itu membabitkan dua warga tempatan dan tiga warga Indonesia.

"Penahanan dibuat hasil rondaan rutin dijalankan di perairan Johor Timur oleh Cawangan Tarian Laut dan Pengurusan Sumber, Jabatan Perikanan Negeri Johor.

"Selain kapal dan peralatan menangkap ikan, kami turut menyita hasil laut seperti sotong dan tenggiri," katanya.

Kes disiasat mengikut



Penahanan dibuat hasil rondaan rutin dijalankan di perairan Johor Timur oleh Cawangan Tarian Laut dan Pengurusan Sumber, Jabatan Perikanan Negeri Johor"

Noraisshah

Seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985.

Noraisshah mengingatkan nelayan supaya sentiasa mematuhi syarat lesen bagi memastikan sumber perikanan negara tidak terjejas.



HASIL laut yang disita.

15/4/2021

BERITA
HARIAN

NASIONAL

21

Tali air tak diselenggara jejas jadual tanaman padi



Petani menunjukkan sepanduk akibat kelewatan kerja penyelenggaraan tali air di Kampung Matang Mahang, Kerpan, Kepala Batas, semalam.

(Foto Noorazura Abdul Rahman/BH)

air di kawasan sawah mereka tidak diselenggara dengan baik, sekali gus menyebabkan jadual tanaman padi terjejas.

Pengerusi Badan Bertindak Petani Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Che Ani' Mat Zain, berkata tali air sepanjang tiga kilometer itu sepatutnya dibersihkan penghujung Mac lalu bagi melancarkan proses penyiwaan tapak sawah.

Namun, hingga kini MADA belum melakukan kerja berkenaan sehingga tali air dipenuhi pokok dan tumbuhan liar serta sampah

menyebabkan air tidak dapat mengalir ke petak sawah.

"Tumbuhan liar seperti kangkung kerbau, pokok kemeling, rumput menerong dan sampah kini memenuhi tali air, jika pesawah guna racun sekalipun ia akan mengambil masa untuk dibersihkan."

"Selama ini, jentera jangkaut diguna untuk membuang tumbuhan liar dan sampah. Sekiranya tali air bersih, tempoh diperlukan untuk air memenuhi petak sawah cuma antara 15 ke 25 hari sahaja," katanya.

Yusuf Ali, 70, berkata ramai

pesawah kecewa kerana tidak dapat memulakan kerja membajak seperti di kawasan lain akibat masalah tali air yang tidak diselenggara dengan baik.

"Ikut jadual sepatutnya kebanayakan sawah sudah dibajak dan air sudah masuk ke setiap petak. Tetapi akibat masalah tali air, kami tidak dapat berbuat apa-apa lagi dan ini akan menjejaskan jadual tanaman pada musim ini," katanya.

Perkara sama dikongsi Ismail Ishak, 42, yang meminta MADA mengambil berat isu penyelenggaraan tali air berkenaan kerana

ia kini sudah menyebabkan ramai pesawah ketinggalan dalam jadual penanaman asal.

Sementara itu, Timbalan Pengerusi Besar (Teknikal) MADA, Syed Zainuddin Syed Zain menjelaskan, jadual pelaksanaan kerja pembersihan sepatutnya dimulakan pada 10 April lalu, namun berlaku sedikit kelewatan dalam kerja berkenaan.

"MADA terpaksa mengubah jadual kerja penyelenggaraan saliran serta saliran bergantung kepada peruntukan yang diterima serta tanaman padi pada peringkat ladang," katanya.

500 petani resah, MADA belum bersihkan kawasan saliran

Oleh Noorazura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

Kubang Pasu: Hampir 500 petani di Kampung Matang Mahang, Kerpan di sini, resah selepas tali

Curtailing food price hikes

DESPITE the severe disruptions caused by the Covid-19 pandemic on the global food supply chain, supply of food in Malaysia has been able to meet the demand. However, there have been increases in prices especially for raw food like vegetables and meat.

For example, the price of sawi has increased from RM5 to RM8 per kg, scallions from RM18 to RM25 per kg, and long beans from RM8 to RM10 per kg.

The price of chicken meat has also increased from RM7.55 per kg in December 2020 to RM8.50 per kg recently.

The Consumer Price Index (CPI) for food and non-alcoholic beverages in February 2021 increased to 1.4% as against 0.8% in the same month of the preceding year. These hikes in prices will have some effects on society as a whole, and the B40 (low income group) in particular.

In the short run, food prices can be affected by several factors including supply and demand, outbreaks of diseases, weather and natural disasters. Demand shocks and problems with supply chains contributed to the volatility of food prices in Malaysia during the early stage of the Covid-19 pandemic.

Measures to prevent the spread of the disease, particularly the implementation of the movement control order (MCO), had a huge impact on food consumption as people were not able to access restaurants and other food outlets freely and many chose to cook and eat at home. As a result, they stocked up on groceries, which led to higher consumer spending in the grocery sector.

Increase in food prices has a major impact on the living standards of the lower-income households, which generally spend a higher proportion of their earnings

on food. Furthermore, a lot of people have lost their job due to measures implemented by the government to control the pandemic, leading to a decline in purchasing power.

The government must come up with better initiatives to monitor food prices and the supply of basic necessities in the market to ensure the welfare of consumers.

One of the mechanisms that could be considered to stabilise food prices is to stockpile essential food items. In this case, when the market prices for essential food items increase, whatever is held in stock could be released to stabilise the price. However, this mechanism requires huge storage facilities and an effective distribution system.

The government should also encourage and provide assistance for urban agricultural activities such as using open land in the home environment for growing

vegetables. Programmes that can empower young agri-entrepreneurs should also be supported.

The provision of food vouchers might need to be considered to minimise the effects of food price hikes on low-income households. Generally, the current increase in food prices can be seen as a short-term impact of the Covid-19 pandemic. However, we must treat this pandemic as a wake-up call to review our food security status.

Promoting agro-entrepreneurship among youths, application of smart farming techniques and introduction of conducive policies to support investments in food production should be the government's priority moving forward.

DR NURUL NADIA RAMLI
Department of Agribusiness and
Bioresource Economics
Faculty of Agriculture
Universiti Putra Malaysia

KPDNHEP akui harga ayam meningkat



Alexander (kiri) meninjau kepatuhan SOP peniaga di bazar Ramadan Presint 3, Putrajaya.

Gesa pengguna buat aduan sekiranya mendapati harga ayam naik mendadak

Oleh MOHAMMAD KHAIRIL
ASHRAF MOHD KHALID

PUTRAJAYA

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN-

HEP) mengakui berlakunya peningkatan kenaikan harga ayam di pasaran.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi bagaimanapun berkata, kenaikan itu bukanlah seperti dilaporkan orang ramai yang mengatakan harga naik mendadak.

"Ada naik sedikit tapi masih dalam paras (kawalan)," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Ops Pantau di bazar Ramadan Presint 3 di sini pada Rabu.

Sebelum ini, *Sinar Harian* melaporkan harga ayam segar

di beberapa negeri menunjukkan kenaikan antara 50 sen hingga RM1 menjelang Ramadan.

Tinjauan di Pasar Awam Sungai Besar, Selangor mendapati harga ayam naik kepada RM9 sekilogram berbanding RM8 sekilogram sejak sebulan lalu.

Mengulas lanjut, Alexander berkata, pihaknya juga memohon agar orang ramai membuat aduan sekiranya berlakunya kenaikan harga barang.

Beliau berkata, pihaknya akan mengarahkan penguat kuasa untuk turun padang sekiranya ada aduan dibuat oleh orang ramai.

"Tapi mereka tak kesan sebegitu rupa (kenaikan mendadak). Ada kenaikan dalam RM1 tapi masih dalam lingkungan (paras kawalan)," katanya.

Sementara itu, mengulas mengenai prosedur operasi standard (SOP), Alexander menegaskan, beliau kurang berpuas hati terhadap tahap kepatuhan pengunjung dan peniaga bazar Ramadan di Presint 3.

"Saya baru sampai sini tapi nampaknya ramai orang dah sesak dan yang berdiri tunggu giliran masuk juga sesak macam tak berapa ada SOP," katanya.

Beliau turut menasihatkan orang ramai dan pengunjung yang mengunjungi bazar Ramadan mematuhi SOP.

"Kita nasihatkan patuh kepada SOP. Kita tak nak jadi kluster kes baharu," tegasnya.

15/4/2021

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

32



NORANI Mohd. Halel (kiri) bersama Pengurus Pusat Komuniti Desa Melayu Raya, Nor Rimezwani Jamal, menunjukkan sabun kelulut MR Trigona Nursery di Kampung Melayu Raya, Pekan Nenas, Pontian. - UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI

Norani hasilkan sabun kelulut

PONTIAN: Seorang ibu kepada tiga cahaya mata dekat sini mengkomersialkan sabun kesihatan yang diperbuat daripada madu kelulut.

Lebih membanggakan, sabun dijual Norani Mohd. Halel, 56, mendapat permintaan tinggi daripada pelanggan sehingga membolehkannya dia meraih pendapatan mencecah ribuan ringgit sebulan.

Menurut Norani, hanya selepas tiga bulan produk itu dikeluarkan, dia sudah berjaya menjual sebanyak 1,000 ketul sabun selepas mengikuti kursus cara membuat kelengkapan membersihkan diri itu pada 2016.

"Pada mulanya saya hanya menternak lebah kelulut dengan membeli tiga sarang pada harga antara RM350 hingga RM400.

Tapi saya dapat madu kelulut ini boleh dikomersialkan dengan pelbagai bentuk produk kesihatan setelah

mengikuti kursus anjuran seorang pensyarah dari Universiti Teknologi Mara (UTM) lima tahun lalu," katanya di sini semalam.

Ketika ditemui di Kampung Sri Gambut Melayu Raya, Pekan Nenas di sini, Norani berkata, dia tidak memoleh kebelakang selepas itu apabila tekun mengikuti pelbagai kursus sampingan termasuk pemasaran memasarkan produk di bawah label MR Trigona Nursery itu dapat berdaya saing.

Katanya, dia menggunakan pelbagai daun herba untuk dicampurkan dengan madu kelulut tersebut sebelum dijadikan sabun kesihatan yang mampu menawarkan pelbagai khasiat kepada pengguna.

"Saya menghasilkan sabun kelulut dengan pelbagai adunan daripada pokok-pokok herba lattu daun bunga raya, lidah buaya, daun bidara, daun sirih dan daun gelenggang," katanya.

Kenaikan disumbang pelbagai faktor antaranya permintaan diterima tinggi

Harga ayam, sotong dan sawi naik

Oleh NUR NAZLINA NADZARI

ARAU - Harga barang basah seperti ayam segar, sotong dan sawi didapati mengalami kenaikan menjelang Ramadan dengan harga ayam segar naik empat kali sejak awal bulan ini.

Tinjauan ke Pasar Besar Arau di sini semalam mendapati ayam segar dijual pada harga RM8.20 sekilogram berbanding RM7.90 pada bulan lalu.

Sotong bersaiz sederhana pula dijual pada harga RM25 sekilogram berbanding RM20 sekilogram kira-kira seminggu lalu.

Bagi sayur sawi, rata-rata peniaga memilih untuk menjual sawi dari Thailand berbanding Cameron Highlands yang harganya meningkat mendadak.

Seorang peniaga ayam, Ku Rasmiza Ku Desa, 40, berkata, harga ayam naik secara berperingkat sebanyak RM1.20 berbanding awal bulan ini.

Katanya, kenaikan harga itu menyebabkan dia tidak mempunyai pilihan untuk menaikkan harga ayam, tetapi masih mengikut harga pasaran.

"Harga ayam pada Ramadan tahun ini meningkat sedikit berbanding Ramadan tahun lalu yang mana berharga sekitar RM7



MARZITA menyusun sayur sawi dari Thailand yang dijual di gerainya.

sekilogram. "Memang ada juga peniaga makanan yang merungut dengan kenaikan harga ayam ini tetapi mereka tiada pilihan dan terpaksa beli juga," katanya di sini semalam.

Menurutnya, dia tidak menolak kemungkinan kenaikan harga ayam naik disebabkan kenaikan harga dedak.

Sementara itu, peniaga sayur, Marzita Othman, 40, berkata, harga sawi Cameron Highlands meningkat sehingga 900 peratus sejak awal tahun lalu iaitu dari-



KU RUSMIZA menunjukkan resit harga ayam daripada pembekal kepada penguat kuasa PPDNHEP Perlis di Pasar Besar Arau semalam.

kira seminggu lalu.

Sementara itu, Pengarah Pejabat Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (PPDNHEP) Perlis, Norazah Jaapar berkata, terdapat peningkatan harga bagi ayam segar standard iaitu dari RM7.70 sekilogram sehingga RM8.50 melibatkan kenaikan 6.25 peratus.

"Bagi sayur sawi terdapat kenaikan sebanyak RM1 daripada RM6 harga jualan standard kepada RM7 sekilogram. Sotong pula mencatatkan kenaikan harga

sehingga 40 peratus iaitu RM35 sekilogram daripada harga jualan standard RM25 sekilogram.

"Hasil pemeriksaan lanjut mendapati kenaikan harga disebabkan berlakunya permintaan tinggi terhadap sayur sawi dan sotong dan terdapat kekurangan bekalan dari pengedar dan pembekal," katanya.

Jelasnya, peningkatan harga bagi ayam segar standard berpunca daripada peruncit yang memperoleh harga yang agak tinggi daripada pembekal.